

Perlumbaan pameran rupa bentuk Islam

UM 24 JUN 1983

ADA segolongan yang begitu asyik kononny menjejar syurga di akhirat sehingga mereka cuba mengubah agama Islam dari satu agama yang pragmatik dan toleran kepada satu agama yang ritualistik dan dogmatik.

Mereka bukan sahaja cuba menjadikan yang sunat itu wajib dan yang wajib itu sunat, tetapi mereka-rekabentuk berbagai ibadat yang tidakpun menjadi ibadat dalam agama Islam.

Dalam keinginan mereka mempamerkan minat mereka terhadap agama, mereka membandingkan diri mereka sebagai orang yang kononnya alim dan warak dengan orang lain mengikut laungan pendapat mereka bukan sahaja tidak warak seperti mereka tetapi tidak begitu Islam atau tidak Islam langsung.

Percubaan kononnya untuk mengukuh pegangan orang sudah Islam kepada ajaran dan amalan Islam, cuma mewujudkan golongan-golongan dakwah yang bukan sahaja bertentangan antara satu dengan yang lain tetapi yang lebih mengutamakan riak dari cara-cara berdakwah yang sebenar.

Kita tahu apa yang sebenarnya dikehendaki dari kita untuk mencapai kejayaan dan melindungi agama yang suci yang kita anuti. Malangnya masih ramai dari kita yang mengutamakan "form" daripada "substance" atau rupa bentuk daripada isi kandungan.

Dalam pegangan kepada agama sekalipun, sifat mengutamakan form dari substance ini berleluasa. Amalan yang jelas ditunjukkan oleh agama seperti persaudaraan, tuntutan ilmu dan melengkapkan diri untuk pertahanan tidak diendahkan. Sebaliknya soal janggut, serban dan jubah yang diberi keutamaan.

Dengan perkataan lain yang sunat diwajibkan tetapi yang wajib ditinggalkan. Semua ini ialah oleh kerana keutamaan yang diberi kepada rupa bentuk yang dikatakan menggambarkan keislaman dan tidak kepada kandungan ajaran dan akidah keislaman yang tidak begitu mudah dipamerkan. Riak yang jelas dilarang oleh agama sudah jadi amalan.

Pemuda dan Wanita UMNO tidak perlu menonjol rupa bentuk rekaan yang kononnya dikatakan Islam (umat Islam di Malaysia seluruhnya tidak perlu berbuat demikian - Pengarang) kerana ini bukan sahaja tidak penting tetapi sebagai perbuatan riak adalah bertentangan dengan Islam.

Saudara dan saudari tidak perlu meniru perbuatan yang begitu ketara sekarang sebagai satu usaha bersaing dengan orang yang telah memperalatkan agama untuk kepentingan diri.

Kita tidak perlu berlumba-lumba dalam pameran apa yang kononnya mencerminkan rupa bentuk Islam.

Yang perlu bagi kita ialah mengamalkan ajaran Islam yang sebenar - mewajibkan yang wajib.

Kita akan mengutamakan isi kandungan Islam dan bukan apa yang ditafsir oleh golongan tertentu sebagai rupa bentuk Islam. Islam tidak duduk kepada jenis kain yang dipakai, jauh sekali kepada potongannya yang tertentu. Islam berada kerana akidah, kerana iman yang teguh membawa kepada amalan yang baik semata-mata. - **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.**